

Cara atasi keganasan di Bosnia

GUNA KEKERASAN

Oleh Mohd Shah Abdullah, Faizal Fadzil dan Shahnun Haniff

KUALA LUMPUR: Malaysia dengan tegas mendesak Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melaksanakan semua ketetapan yang diluluskan dan jika perlu, mengambil tindakan kekerasan untuk memastikan Serb berundur dari wilayah Bosnia-Herzegovina.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata tindakan kekerasan itu adalah untuk memastikan Serb mematuhi syarat yang dianggap kritikal iaitu:

- Membebaskan kepungan bandar yang diduduki;
- Semua pihak terbabit mesti membenarkan penyaluran bantuan kemanusiaan dan jika perlu, mereka dikenakan tindakan kekerasan; dan
- Lapangan Terbang Tuzla dibuka semula supaya bantuan makanan, ubat-ubatan dan keperluan lain sampai ke bandar utama.

Dr Mahathir berkata, tindakan yang dicadangkan itu bertujuan memastikan nyawa manusia yang tidak berdosa; terutama pada musim sejuk ini dapat diselamatkan.

"Apa yang diperlukan ialah tindakan politik dan diplomatik. Apabila perlu, disokong tindakan kekerasan," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar di Persidangan Antarabangsa Ahli-Ahli Parlimen Mengenai Bosnia-

ha menganjurkan satu persidangan lain mengenai Bosnia.

"Barangkali kejayaan persidangan antarabangsa mengenai Kemboja boleh dijadikan model persidangan itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun tidak berhak bercakap mewakili kepemimpinan kerajaan Bosnia, Malaysia meminta peluang diberi kepada negara itu bagi menyelamatkan rakyat serta tanah air mereka menerusi perundingan yang saksama.

Dr Mahathir berkata, anggapan kononnya pertumpahan darah di Bosnia sebagai perang saudara di antara umat Islam dan bukan Islam adalah tidak benar kerana walaupun kebanyakan mereka yang mempertahankan Sarajevo adalah umat Islam, banyak juga rakyat Serb dan Croat berbuat demikian.

"Keadaan berbilang kaum ini juga nyata dalam kerajaan. Mereka adalah rakyat Bosnia dan Herzegovina," katanya.

Beliau berkata, walaupun selepas dua tahun peperangan itu berlarutan, Serb dan Croat masih gagal melenyapkan terus rakyat serta bumi Bosnia. Oleh itu, perjuangan mereka tidak harus dilupakan.

"Jika kita menerima penceroiban dan kekerasan oleh jiran yang kuat sebagai sah, kebanyakan daripada kita yang lemah akan menerima nasib yang sama pula.

Herzegovina di sini, semalam.

Persidangan itu dianjurkan bersama oleh Jawatankuasa Ahli Parlimen Malaysia dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), di sini, semalam.

Kira-kira 180 peserta dari 31 negara, termasuk wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan Ahli Parlimen dari Croatia, hadir.

Ucapan Dr Mahathir di hadapan tetamu kehormat Presiden Bosnia, Alija Izetbegovic itu beberapa kali mendapat tepukan, terutama apabila beliau membidas sikap sambil lewa kuasa besar, Majlis Keselamatan dan Kesatuan Eropah (EU) dalam menangani isu Bosnia itu.

Menurut Perdana Menteri, sehingga ini, belum ada usaha Majlis Keselamatan untuk menguatkuasakan resolusi 770 yang membolehkan semua kaedah digunakan walaupun terbukti wujud halangan oleh Serb terhadap bantuan kemanusiaan.

Selain itu, katanya, resolusi 836 yang bertujuan mewujudkan 'kawasan selamat' menjadikan kawasan terbabit berada dalam kepungan puak Serb kerana tindakan kekerasan berterusan mereka gagal dihalang oleh PBB.

Dr Mahathir berkata, Majlis Keselamatan juga perlu menilai semula perundingan Geneva yang dianggap gagal dan berusa-

"Jika undang-undang rimba digunakan, jika kita membenarkan pihak yang kuat menentukan nasib pihak yang lemah, jika kita membenarkan Bosnia-Herzegovina dilenyapkan, nescaya tiada lagi jaminan keselamatan bagi kita semua," katanya.

Perdana Menteri mencadangkan kepada Ahli Parlimen yang hadir supaya meminta kerajaan masing-masing mengambil langkah sewajarnya dalam menangani isu itu, iaitu:

- Menjadikan isu Bosnia sebagai agenda antarabangsa terpenting di negara masing-masing;
- Menggunakan saluran diplomasi bagi memulakan perbincangan bertujuan untuk mewujudkan penyelesaian yang berkeadilan dan adil; dan
- Menggunakan hak sebagai anggota PBB untuk mendesak Majlis Keselamatan menamatkan penderitaan rakyat Bosnia dan mengembalikan keamanan di negara itu.

"Tugas anda sebagai Ahli Parlimen ialah mengejutkan rakyat dan kerajaan masing-masing daripada kealpaan.

"Kerajaan terutamanya tidak harus dibenarkan mempercayai bahawa mereka boleh terlepas dengan sikap hipokrit dan akan terus kekal selama-lamanya," kata Dr Mahathir.